

Kemas diminta tingkatkan tahap profesionalisme

26/05/04 um 51

KUALA LUMPUR 25 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kemas meningkatkan tahap profesionalisme sebagai nilai tambah bagi agensi itu untuk terus relevan dan diterima oleh masyarakat luar bandar.

Perdana Menteri berkata, hasrat dan matlamat itu dapat dicapai jika kesemua ahli yang menggerakkan Kemas bekerja lebih kuat dan berusaha menambah ilmu pengetahuan sesuai dengan kehendak semasa.

“Pegawai dan ahli Kemas perlu berusaha ke arah itu supaya usaha meningkatkan taraf masyarakat luar bandar terus menerus tercapai.

“Aspirasi itu perlu kerana penduduk luar bandar masa kini berbeza dengan dengan penduduk luar bandar dulu, kehendak mereka sudah berbeza dan Kemas perlu terus merencanakan program-program yang bersesuaian dengan hasrat kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Perdana Menteri Bersama Kemas, di sini malam ini.

Abdullah berkata, walaupun negara ini dilihat sebagai semakin maju hasil kerja kuat pe-

mimpin terdahulu, namun masih terdapat kawasan-kawasan yang penduduknya miskin dan memerlukan bantuan.

“Kita sedar keadaan ini dan telah menjadi matlamat kita mahu menghapuskan kemiskinan tegar dalam tempoh lima tahun ini,” katanya.

Untuk itu, katanya lagi, Kemas perlu memainkan peranan utamanya dan menjadi agensi yang unggul dalam kerajaan dengan membantu mencapai sasaran kemiskinan sifar itu.

Penting

Beliau menambah, sebagai rapat dengan wakil rakyat dan masyarakat, Kemas dilihat mempunyai tugas penting dalam usaha menyediakan program-program yang boleh membantu memajukan penduduk luar bandar.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsudin dan Timbalannya, Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Kira-kira 3,000 ahli Kemas dari seluruh negara hadir pada majlis tersebut yang turut diadakan bagi meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lepas.



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan anggota Kemas dari seluruh negara pada Majlis Makan Malam Perdana Menteri Bersama Kemas di Kuala Lumpur, malam tadi.